

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 3/3/2016

Muka surat: 3

Tajuk : Guna Smart Phonics ajar BI

Utusan Sarawak

BERITA PERDANA

KHAMIS • 3 Mac 2016 • 23 Jamadilawal 1437H •

3

Guna Smart.Phonics ajar BI

MICHEAL SERING

KUCHING: Kementerian Kebajikan Wanita dan Pembangunan Keluarga memutuskan memilih menggunakan kaedah Smart.Phonics dicadangkan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai kaedah terbaaru mengajar murid prasekolah dan tadika di negeri ini asas berbahasa Inggeris (BI).

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Fatimah Abdullah berkata keputusan itu dibuat selepas Majlis Pembangunan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Sarawak (MPAKS) mendengar penerangan UNIMAS mengenai Smart.Phonics yang menggunakan bunyi sebutan bagi membantu murid prasekolah dan tadika belajar asas membaca dan berkomunikasi menggunakan bahasa itu.

"Smart.Phonics ini akan digunakan bagi mengajar asas berbahasa Inggeris bagi murid prasekolah dan tadika agensi kerajaan iaitu yang di bawah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan

Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) di negeri ini, tetapi mengecualikan tadika swasta," katanya selepas mempergesurikan mesyuarat MPAKS bagi membincangkan kaedah memperkasa penguasaan asas bahasa Inggeris, di Bangunan Baitulmakmur, Petra Jaya, di sini, semalam.

Mesyuarat tersebut juga disertai Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembangunan Keluarga Rosey Yunus, Pengarah Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak, Datu Dr Adi Badiozaman Tuah dan Pengarah Pendidikan Negeri, Hajah Rakayah Madon. Fatimah berkata tadika swasta dikecualikan daripada menggunakan kaedah tersebut kerana ketika ini kebanyakannya sudah pun menggunakan kaedah mengajar asas berbahasa Inggeris lain yang mempunyai persamaan dengan Smart.Phonics.

"Setiap sesi pengajaran Smart.Phonics kepada murid tadika dan tiska akan selama 20 minit. Keadah ini juga bukan menggantikan kokurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan digunakan pra sekolah dan tadika

negeri ini, tetapi menambah baik kepada yang sedia ada," katanya. Pihaknya juga memilih kaedah itu kerana pengajarannya akan menyeronokkan bagi murid prasekolah dan tadika berusia lima hingga enam tahun yang di usia itu lebih mudah belajar bahasa dan membolehkan mereka memiliki asas berbahasa Inggeris yang baik sebelum memasuki sekolah rendah bagi belajar bertutur dan menulis menggunakan bahasa terbabit.

"Dijangkakan sehingga 95 peratus kanak-kanak yang belajar di pra sekolah dan tadika agensi kerajaan di negeri ini akan dapat menguasai asas berbahasa Inggeris yang baik menggunakan Smart. Phonics. Ini selari dengan dasar Kerajaan Negeri mahu menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua," katanya. Pihaknya akan meminta UNIMAS menyediakan butiran terperinci mengenai cadangan pengajaran keadah itu selepas ini bagi dibentangkan kepada kabinet negeri termasuk mengenai latihan bagi guru pra sekolah dan tiska dan memilih daerah di negeri ini yang terawal menggunakan kaedah itu. "Kami



BINCANG... Fatimah berbincang dengan Penolong Pegawai Pendaftaran, Bahagian Kad Pengenalan dan Warganegara (JPN) Sarawak, Kibtiah Saleh serta Pegawai Pendaftaran, Bahagian Kelahiran, Kemati dan Anak Angkat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Sarawak, Zakaria Idris; Timbalan Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Sarawak, Amelia Lee (duduk kanan) dan Umang Jabu, selepas sesi perbincangan bersama JPN Negeri Sarawak, mengenai "Stateless Child" di Bangunan Baitulmakmur, di Kuching, petang semalam. • Foto AWANG KUSHAIRY JUNAIDI

menjangkakan UNIMAS akan kerana kami mensasarkan keadah dapat menyiapkan butiran terbabit Smart.Phonics digunakan semua seawalnya dalam tempoh sebulan pra sekolah dan tadika di negeri ini mulai tahun ini," katanya dan

kemungkinan keadah terbabit digunakan dahulu di daerah yang murid sekolah rendahnya ramai lemah asas berbahasa Inggeris.